

Georg Schmitt, Lead Corporate Affairs, Tel.: +41 (0)79 571 8287, Email: [georg.schmitt@weforum.org](mailto:georg.schmitt@weforum.org)

## Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai ASEAN ke 25 untuk Perbincangan Mengenai Pertumbuhan dan Rangkuman

- WEF mengenai ASEAN ke-25 akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 1 dan 2 Jun
- Lebih daripada 550 pemimpin perniagaan, sektor awam, ahli akademik, masyarakat sivil dan media akan menghadiri forum ini
- [Revolusi Perindustrian Keempat](#) dan implikasinya bagi negara-negara ASEAN akan menjadi topik utama pada mesyuarat itu
- Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Forum ini: <http://wef.ch/asean16>

**Kuala Lumpur, Malaysia, 26 May 2016** – Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-25 tentang ASEAN akan mengkaji bagaimana Asia Tenggara dan Komuniti Ekonomi ASEAN yang baru ditubuhkan mampu menjadi asas bagi rantau ini memainkan peranan yang lebih besar di peringkat global, dan menyediakan masyarakat ASEAN untuk perubahan yang mendalam yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Forum ini akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 1 dan 2 Jun dengan tema "Membentuk Agenda ASEAN bagi Rangkuman dan Pertumbuhan".

"Dengan tenaga kerja muda, ASEAN mempunyai asas yang kukuh untuk pertumbuhan masa depan. Tetapi konteks global yang sentiasa berubah dan Revolusi Perindustrian Keempat akan membawa cabaran baru. Potensi kuat rantau ASEAN hanya akan menjadi kenyataan jika sektor kerajaan dan perniagaan dapat bekerjasama untuk memberi tindak balas yang sesuai," kata Justin Wood, Ketua Asia Pasifik di WEF.

Program forum ini berkisar sekitar tiga perkara: "Menjana Pertumbuhan Mampan dan Keterangkuman Sosial", "Menguasai Revolusi Perindustrian Keempat" dan "Mengukuhkan Hubungan Serantau". Forum ini juga akan melancarkan laporan baru mengenai Masa Depan Pekerjaan di ASEAN, Pertumbuhan Inklusif serta Halangan Pelaburan dalam Syarikat Penerbangan.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri **Najib Razak** akan disertai oleh beberapa anggota kabinetnya, termasuk menteri-menteri bagi industri dan perdagangan, hal ehwal luar negeri, kesihatan, pertahanan, pengangkutan dan tenaga. **Rui Maria de Araújo**, Perdana Menteri Timor-Leste, **Hun Sen**, Perdana Menteri Kerajaan Kemboja, **Jusuf Kalla**, Naib Presiden Indonesia dan **Trinh Dinh Dung**, Timbalan Perdana Menteri Vietnam, merupakan antara lebih daripada 40 tokoh masyarakat yang turut serta dalam Forum ini.

"Komuniti Ekonomi ASEAN telah ditubuhkan pada hujung tahun lalu, namun begitu proses integrasi ekonomi ASEAN masih merupakan satu tugas yang belum selesai. Harapan saya agar penganjuran Forum Ekonomi Sedunia ASEAN ini dapat menjadi pemangkin dalam mencetuskan idea-idea baru yang boleh memantapkan lagi proses integrasi rantau ini. Kita perlu terus melipatgandakan usaha dalam menjulang dan mempromosikan wawasan untuk menjadikan ASEAN lebih inklusif," **kata Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

Barisan Pengerusi Bersama WEF mengenai ASEAN adalah: Sigve Brekke, Ketua Pegawai Eksekutif, Telenor, Norway; Kathleen Chew, Kumpulan Penasihat Undang-undang, YTL Corporation Berhad, Malaysia; Yoshiaki Fujimori, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, LIXIL Group Corporation, Jepun; Shahril bin Shamsuddin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, SapuraKencana Petroleum Berhad, Malaysia; Salil Shetty, Setiausaha Agung, Amnesty International, United Kingdom dan George Yeo, Sarjana Pelawat, Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Singapura.

Peserta utama lain termasuk: **Babatunde Osotimehin**, Pengarah Eksekutif, Dana Populasi Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA), **Hans-Paul Bürkner**, Pengerusi Global, The Boston Consulting Group, **Anthony Fernandes**, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Air Asia dan **Michelle Yeoh**, Pelakon dan Ikon Kebudayaan.

The [Grow Asia](#), inisiatif bersama WEF dan Sekretariat ASEAN akan mengadakan mesyuarat peringkat tertinggi dengan beberapa orang Menteri Pertanian pada 31 Mei di Kuala Lumpur.

### Nota kepada Editor

- Ikuti WEF mengenai ASEAN di <http://wef.ch/ASEAN16>
- Klik di [sini](#) untuk Gambar Menyeluruh Mesyuarat dan Program Sepintas Lalu
- Tonton sesi secara langsung di <http://wef.ch/live>
- Jadi peminat Facebook Forum di <http://wef.ch/facebook>
- Ikuti Forum melalui Twitter di <http://wef.ch/twitter> dan #asean16 dan #wef
- Baca blog kami di <http://wef.ch/agenda>

---

World Economic Forum adalah Pertubuhan Antarabangsa bagi Kerjasama Awam-Swasta yang komited untuk meningkatkan keadaan dunia.

Forum ini melibatkan ahli politik terkemuka, ahli perniagaan dan lain-lain pemimpin masyarakat untuk membentuk agenda global, serantau dan industri. ([www.weforum.org](http://www.weforum.org)).



World Economic Forum, 91-93 route de la Capite, CH-1223 Cologny/Geneva  
Tel. +41 (0)22 869 1212, Fax +41 (0)22 786 2744, <http://www.weforum.org>